



KERATAN AKHBAR
----------------

AKHBAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	21/10/2019	MUKA SURAT : 21
JABATAN	:	JPS	
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>	

## Rumah pangsa PKNS perlu pam air lebih besar tangani banjir

**Kuala Lumpur:** Kawasan rumah pangsa Perbadanan Kewajuteraan Negeri Selangor (PKNS), Jalan Tun Razak, Kampung Baru, memerlukan pam air lebih besar untuk selesaikan banjir di situ.

Justeru, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meminta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memasang pam air yang lebih besar yang dapat menampung jumlah air yang banyak berikutan musim hujan sekarang.

Cuaca hujan sejak Khamis lalu menyebabkan berlaku tanah mendap dan banjir di kawasan itu, sehingga menyebabkan 62 penghuni terpaksa dipindahkan ke penempatan sementara sebagai langkah keselamatan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata tinjauan beliau semalam mendapati pam sedia ada beroperasi dengan agak perlahan, sehingga tidak mampu menampung kapasiti air hujan yang banyak untuk disalurkan ke Sungai Klang.

DBKL akan memperbaiki jalan yang rosak hari ini, berikutan mendapan tanah dan banjir.

"Kita juga akan memanggil

Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) untuk membuat siasatan mengenai struktur blok rumah berikutan kerisauan yang disuarakan penduduk," katanya kepada media selepas melakukan tinjauan di rumah pangsa berkenaan.

Sebelum ini, *BH* melaporkan rungutan penduduk mengenai DBKL dan JPS yang didakwa saling menuding jari berhubung pihak yang sepatutnya membaiki jalan susulan tanah mendap dan banjir di kawasan itu.

Penduduk, Noraziah Abdul Manan, 55, berkata beliau lega dengan penyelesaian yang dikemukakan DBKL bagi menyelesaikan masalah itu.

"Selepas banjir pada 1 Oktober lalu rumah saya mula retak. Pada mulanya, ia hanya sekadar retakan kecil namun ia semakin besar selepas banjir pada Khamis lalu.

"Disebabkan banjir itu juga, jalan di hadapan rumah kami mendap sehingga berlubang, malah cucu saya berusia tiga tahun pernah terjatuh dalam lubang berkenaan," katanya.

Zamzuri Mohamad, 52, berkata penambahan pam adalah penyelesaian terbaik untuk menyelesaikan masalah banjir di kawasan itu.